



## KENYATAAN MEDIA

23 Ogos 2016

### **UniMAP Jimat RM10 Juta Menerusi Projek “Point To Point Wireless Bridge”**

Kangar - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dijangka berjimat sehingga RM10 juta dalam tempoh tiga tahun akan datang menerusi kerjasama strategik dengan Strategic Alliance Sdn. Bhd (SASB) bagi meningkatkan kapasiti saiz jalur lebar melalui langganan “*point to point wireless bridge*”.

Naib Canselor UniMAP, Dato’ Prof. Dr Zul Azhar Zahid Jamal berkata, kerjasama itu membolehkan warga UniMAP menikmati capaian saiz jalur lebar yang lebih tinggi iaitu 200 Mbps berbanding hanya 8Mbps sebelum ini.

Menurut beliau, UniMAP yang beroperasi sebagai sebuah Universiti Awam (UA) bercirikan kampus teragih sebelum ini menggunakan capaian internet yang disambungkan melalui langganan litar suwa kepada pembekal perkhidmatan komunikasi negara.

Jelasnya, ia juga selaras dengan hasrat menyediakan UniMAP sebagai sebuah universiti yang unggul, penyediaan kemudahan jalur lebar dan rekabentuk rangkaian komputer untuk kemudahan warga UniMAP harus ditransformasikan.

“Namun, dengan kekangan peruntukan kewangan, UniMAP harus mengambil inisiatif terbaik bersifat serampang dua mata yakni meningkatkan saiz rangkaian jalur lebar dan pada masa sama menjimatkan kos.

“Setelah melihat hasil projek fasa pertama teknologi “*point to point wireless bridge*” yang menghubungkan Pusat ICT di Kubang Gajah dan Pusat Kecemerlangan Teknologi Sensor (CeasTech) di Taman Muhibbah serta Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Alam Sekitar dan PPK Bioproses, Jejawi, saiz rangkaian jalur lebar berjaya ditingkatkan sehingga 200Mbps dengan melibatkan kos yang sama,” ujar beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dr. Zul Azhar berkata demikian selepas meninjau peralatan “*point to point wireless bridge*” yang dipasang di Bangunan KWSP di sini bagi meningkatkan capaian saiz

jalur lebar kepada warga UniMAP yang beroperasi di Kangar menerusi projek fasa kedua dengan antenna berkeupayaan 800Mbps.

Yang turut hadir Pengarah Pusat ICT UniMAP, Nashrudin Mohd. Shukor; Pendaftar UniMAP, Zuber Haji Mohamad; Dekan PPK Komputer dan Perhubungan, Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad; Dekan PPIPT, Prof Madya Dr. Mohd. Hazry Desa dan Pengarah Urusan SASB, Khairul Nizam Saud.

Menurut Dr. Zul Azhar, fasa kedua yang bermula Jun lalu juga telah selesai dilaksanakan membabitkan Pusat ICT di Kubang Gajah ke Bangunan KWSP, Kangar; Bangunan KWSP ke Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) Pengkalan Jaya; Bangunan PPIPT ke Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) Seriab dan Bangunan INEE ke Kolej Kediaman wang Ulu.

Tidak ketinggalan, ujar beliau, menerusi fasa kedua itu juga, satu antenna berkeupayaan 450Mbps turut dipasang dari Bangunan KWSP ke Jabatan Bendahari, Kangar.

“Secara ringkasnya, projek ini membantu UniMAP melakukan transformasi rangkaian berasaskan litar suwa ke bangunan-bangunan UniMAP di sekitar Kangar dan Jejawi yang sebelum ini mempunyai saiz jalur lebar hanya 38Mbps kepada prasarana baharu dengan jumlah saiz jalur lebar keseluruhan yang ditingkatkan ialah 3,650 Mbps.

“Perkhidmatan ini akan diperluaskan ke kawasan lain termasuk kampus tetap UniMAP di masa akan datang,” ujar beliau lagi.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Suhana Abdul Mutalib**

**(Unit Perhubungan Media UniMAP)**